

**Pemuda Umno Sabah Sokong Musa Tanding Naib Presiden - Awang Kadin
Bernama
6 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 6 Ogos (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah Datuk Awang Kadin Tang akan memberi sokongna penuh sekiranya Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Musa Aman bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti, akan datang.

"Sekiranya Musa bertanding, maka Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sabah akan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada beliau dan akan bersedia menjadi jentera kempen ke semua negeri," katanya dalam kenyataan ringkas di sini Selasa.

Awang Kadin yakin, Musa bukan saja akan mendapat sokongan dari bahagian Umno di Sabah, malah sokongan padu dari bahagian lain di seluruh negara.

"Kepimpinan beliau mengetuai jentera dalam pilihan raya umum ke-13 lalu membuktikan beliau layak diberikan peranan yang lebih penting di dalam parti dalam usaha untuk terus memperkukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968721>